

TH LANCAR PROGRAM LITERASI KEWANGAN “CILIK-CILIK DAH CELIK”

KUALA LUMPUR, 6 Oktober 2025 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah melancarkan Program Literasi Kewangan bagi membantu pendeposit meningkatkan ilmu pengurusan kewangan dan seterusnya membina simpanan bagi tujuan menunaikan ibadat haji.

Program “*Cilik-Cilik Dah Celik*” akan dijadikan sebagai titik permulaan untuk membina tabiat kewangan positif dan melahirkan generasi celik kewangan yang bersedia mencapai impian menunaikan rukun Islam ke lima mereka pada masa hadapan.

TH dengan kerjasama strategik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyasarkan kira-kira 100 keluarga muda sebagai program perintis dari sekitar Lembah Klang, Selangor dan Negeri Sembilan, jelas Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Haji Mustakim Mohamad ketika berucap dalam majlis pelancaran program ini pada 4 Oktober, di Menara **TH**, Jalan Tun Razak.

Berdasarkan statistik terkini, 53 peratus pendeposit **TH** mempunyai baki simpanan kurang daripada RM1,300 dan kira-kira separuh daripada bakal jemaah pada musim 1446H/2025M yang lalu terpaksa menolak tawaran haji kerana tidak mempunyai simpanan yang mencukupi.

“Tren ini membuktikan keperluan untuk **TH** mendidik masyarakat Islam terutama para pendeposit mengenai pengurusan kewangan dan membudayakan amalan menabung secara konsisten demi mencapai matlamat untuk menunaikan ibadah haji,” kata Tuan Haji Mustakim.

Program “*Cilik-Cilik Dah Celik*” mempunyai enam modul literasi kewangan yang merangkumi transformasi minda, perancangan kewangan, pengurusan aliran tunai, membina kekayaan, perlindungan daripada penipuan kewangan serta pengurusan hutang.

Sepanjang program selama enam bulan, ibu bapa akan dibimbing secara berterusan melalui bengkel pendidikan kewangan, sesi simulasi kewangan, pembelajaran atas talian, gamifikasi dan pemantauan simpanan anak-anak secara konsisten. Sebagai galakan, peserta layak menerima ganjaran bulanan

dan hadiah utama berdasarkan komitmen, konsistensi dan pencapaian simpanan.

TH memilih ibu bapa muda dengan anak bersekolah sebagai kumpulan sasaran kerana mereka berada pada fasa kritikal pembentukan tabiat kewangan keluarga. Anak-anak mudah meniru teladan ibu bapa, sementara ibu bapa muda pula sedang berdepan komitmen penting seperti pendidikan, perumahan dan kos sara hidup.

Dengan membimbing golongan ini lebih awal, **TH** bukan sahaja membantu mereka mengurus kewangan harian dengan lebih baik, tetapi juga melahirkan generasi celik kewangan yang berterusan.

Seorang peserta Nurul Alieya binti Jusoh yang mendaftar bersama suami dan anak mereka berkata saya teruja menyertai program ini kerana ingin belajar cara mengurus kewangan dengan lebih berdisiplin. Harapan saya agar anak-anak dapat menabung sejak kecil dan akhirnya kami akan lebih bersedia untuk menunaikan ibadat haji satu hari nanti.

Seiring perkembangan digital masa kini, **TH** turut memberi penekanan kepada pencegahan penipuan kewangan dimana para peserta akan didedahkan cara mengenal pasti 'scammer' bagi melindungi data peribadi dan cara melaporkan cubaan penipuan kepada pihak berkuasa.

-TAMAT-